

Ruj. Kami: MBPJ/090100/T/M13/JLD 5 ( 84 )

Tarikh: 18 Oktober 2013

## **PENSTABILAN CERUN DI ATAS LOT 563, LOT 564, LOT 176 DAN LOT 177 DI JALAN 5/64, SEKSYEN 5, PETALING JAYA.**

Kejadian tanah runtuh dan pokok tumbang telah berlaku di kawasan cerun bukit di Jalan 5/64, Seksyen 5 Petaling Jaya melibatkan lot tanah persendirian iaitu Lot 563, Lot 564, Lot 176 dan Lot 177, Bukit Gasing, Petaling Jaya, Selangor Darul Ehsan pada 5 Mei 2013.

Kesan-kesan daripada runtuhan tersebut menyebabkan :-

- a) Tanah dan batuan jatuh ke atas Jalan 5/64.
- b) Pokok-pokok dalam lot telah tumbang menghalang Jalan 5/64.
- c) Laluan ke perumahan lain berhampiran telah terjejas teruk dengan runtuhan tanah,  
batu dan pokok.
- d) Tanah menutupi longkang terbuka tepi jalan sehingga menjasakan sistem saliran di kawasan tersebut.

Tindakan segera (kecemasan), pihak Majlis telah menjalankan kerja-kerja pembersihan dan perlindungan sementara dengan memasang helaian-helaian ‘Tarpaulin’ pada permukaan-permukaan tanah yang terdedah, memotong pokok-pokok yang berisiko, membersihkan lebihan tanah dan batu di atas bahu jalan dan di dalam longkang Majlis, meletakkan ‘concrete block’ sebagai penahan sementara dan kon keselamatan di sekitar lokasi kejadian tersebut.

Tindakan susulan, pihak perunding, Advance Consulting Engineers Sdn. Bhd. telah menjalankan kajian terperinci dan mencadangkan kerja penstabilan cerun dan merekabentuk kerja-kerja yang harus dilaksanakan.

Kontraktor yang dilantik oleh Majlis iaitu Rincing Bina Sdn. Bhd dengan kos pembinaan RM4,512,348.00 dalam tempoh 8 bulan akan menjalankan kerja-kerja berikut :-

- a) Pembinaan dengan kaedah paku tanah ‘soil nailing’ pada permukaan cerun berkeluasan 2,300 meter persegi dengan ketinggian cerun 20m.
- b) Pembinaan sistem perparitan cerun pada permukaan cerun seluas 2,300 meter persegi.

**Sekretariat Media**

**Unit Perhubungan Awam**

**Majlis Bandaraya Petaling Jaya**

Laman web : [www.mbpj.gov.my](http://www.mbpj.gov.my) , facebook: Petaling Jaya City Council,

twitter : pjcitycouncil, emel : [media@mbpj.gov.my](mailto:media@mbpj.gov.my) Tel : 03-79563544 sambungan 203/208,

Faks : 03-79582695. (**Puan Zainun bt Zakaria, / En Ahmad Iskandar b. Mohamad Mukhtar**)